

# LAWATAN KERJA PELAKSANAAN SEKOLAH ANGKAT MADANI SK BEBULOH WP LABUAN



**Labuan, 20 Mei 2026** – Jabatan Wilayah Persekutuan telah mengadakan lawatan kerja bagi pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI di SK Bebuloh, Wilayah Persekutuan Labuan.

Rombongan lawatan telah diketuai oleh Encik Wahyun Anwar bin Abd Rahman bersama dua orang pegawai jabatan. Kehadiran rombongan telah disantuni oleh Encik Ag. Rozlan bin Manan, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran yang mewakili Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI di SK Bebuloh selain memperkukuhkan hubungan kerjasama strategik antara Jabatan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif kerajaan dalam menyokong pembangunan pendidikan serta kebajikan murid melalui pendekatan kolaboratif bersama

agensi kerajaan dan komuniti setempat.

Semoga pelaksanaan program ini dapat memberi impak positif kepada warga sekolah serta membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan sejahtera.

[#MalaysiaMADANI](#)

[#SekolahAngkatMADANI](#)

[#JabatanWilayahPersekutuan](#)

[#SKBebuloh](#)









